

Krisis Kelahiran Nasional: Antara Peralihan Peranan Wanita dari Pembinaan Generasi Masa Hadapan kepada Tenaga Kerja Negara

National birth crisis: Between the shifts in women's roles from nurturing future generations to the nation's workforce

Aisyah binti Abdullah Zaik^① & Rahimah Jurij²

¹ Unit Penyelidikan, Biro Keluarga & Masyarakat, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), Jalan Medan Pusat Bandar 7A, Bangi Sentral 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor.
(^①corresponding author: aisyahabdullahzaik@gmail.com)

² Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute, Jalan Medan Pusat Bandar 8A, Bangi Sentral 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

ABSTRAK

Trend penurunan kadar kelahiran di Malaysia semakin ketara dari tahun ke tahun, sehingga berada di bawah paras penggantian. Fenomena ini menggusarkan semua pihak kerana menyebabkan pengecilan populasi, meningkatkan jurang antara generasi, serta menjejaskan kesinambungan kepimpinan negara pada masa hadapan. Peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh turut memberi kesan terhadap penurunan kadar kelahiran, apabila sebahagian wanita memilih untuk menangguhkan perkahwinan, menunda kehamilan pertama, atau menolak konsep memiliki anak dalam perkahwinan. Fokus terhadap kerjaya dan ekonomi keluarga sering kali menyebabkan keutamaan terhadap peranan melahirkan, mendidik dan membesarkan anak berkurangan. Akhirnya menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan keseluruhan (TFR). Oleh itu, pengembalian peranan wanita sebagai Rabbatul Bait dan Madrasatul Ula wajar diperkasakan sebagai langkah menyokong keseimbangan peranan wanita dalam institusi keluarga. Inisiatif ini memerlukan perhatian serius daripada kerajaan melalui pembinaan dasar pemerkasaan wanita dan menilai semula sistem kiraan pendapatan isi rumah agar tidak memberi tekanan kepada wanita. Di samping itu, peranan NGO dan masyarakat dalam menyediakan sistem sokongan yang mampan untuk wanita agar dapat memastikan institusi keluarga kembali berpaksikan fitrah Islam yang sebenar.

KATA KUNCI:

*Kadar Kelahiran,
Populasi,
Keluarga,
Wanita, Kuasa
Nasional*

Received: May 27, 2025

Accepted: Oct 10, 2025

Published Oct 31, 2025

ABSTRACT

Declining birth rate trend in Malaysia has become increasingly evident year after year, falling below the replacement level. This phenomenon is a growing concern for all parties, as it leads to population shrinkage, widens the intergenerational gap, and threatens the continuity of national leadership in the future. The increasing participation of women in the labour force has also contributed to the decline in birth rates, as some women choose to delay marriage, postpone their first pregnancy, or reject the idea of having children within marriage. The prioritisation of career advancement and family economic stability often results in diminishing emphasis on women's roles in bearing, nurturing, and raising children, ultimately contributing to the overall decline in the Total Fertility Rate (TFR). Therefore, the revitalisation of women's roles as Rabbatul Bait and Madrasatul Ula should be strengthened as a means to support a balanced understanding of women's responsibilities within the family institution. This initiative requires serious attention from the government through the formulation of women's empowerment policies and the reassessment of household income calculations to prevent undue pressure on women. In addition, the roles of NGOs and the community are vital in providing a sustainable support system for women to ensure that the family institution realigns with the true Islamic fitrah.

KEYWORDS:

*Birth Rate,
Population,
Family, Woman,
National Power*

1.0 Pengenalan

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendedahkan bahawa kadar kelahiran di Malaysia mencatatkan penurunan sebanyak 11.5% pada suku pertama tahun 2025. Jumlah kelahiran hidup yang direkodkan bagi tempoh tersebut ialah seramai 93,500 orang, berbanding 105,613 kelahiran pada suku pertama tahun 2024, dengan purata harian kelahiran sebanyak 1,039 bayi. Laporan daripada DOSM turut memperincikan pecahan kadar kelahiran mengikut kumpulan etnik utama di Malaysia, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain, yang kesemuanya menunjukkan trend penurunan. Penurunan ini menunjukkan bahawa keseriusan krisis kadar kelahiran yang sedang melanda negara secara menyeluruh tanpa mengira perbezaan etnik atau kaum. Situasi ini sewajarnya menjadi satu isyarat penting atau “wake up call” kepada pihak kerajaan dan masyarakat untuk segera mengambil langkah intervensi bagi membendung isu ini sebelum menjadi lebih parah.

Sekiranya kadar kelahiran terus mengalami penurunan secara berterusan, Malaysia berisiko menghadapi pelbagai implikasi demografi yang serius. Antaranya termasuklah pengecilan populasi secara keseluruhan (Omar & Jaafar, 2024, LPPKN, n.d), wujudnya jurang yang ketara antara generasi (Han, Wei & Cao, 2022; Alavi & Arifin, 2022), serta peralihan status negara kepada sebuah negara tua (Alavi & Arifin, 2022). Perkembangan ini bukan sahaja menjejaskan struktur sosial, malah turut memberi kesan jangka panjang terhadap kestabilan dan kesinambungan kepimpinan negara disebabkan ketiadaan generasi pelapis dalam menerajui tampok pemerintahan negara pada masa hadapan.

Kajian mengenai krisis demografi di Malaysia masih kurang memberi perhatian terhadap dimensi nilai dan keagamaan, khususnya peranan wanita dalam Islam antara tanggungjawab rumahtangga dan penyertaan mereka dalam sumbangan ekonomi negara. Sebahagian besar kajian terdahulu menilai isu ini dari sudut ekonomi semata-mata tanpa meneliti kesannya terhadap kesinambungan populasi dalam pembangunan negara secara holistik. Hal ini termasuklah dalam mencapai sebuah negara yang mempunyai kuasa nasional dalam membentuk sebuah negara kuat, maju dan berdaulat (Suberi et al. 2025).

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor krisis demografi yang menfokuskan aspek penurunan kadar kelahiran dengan meneliti peralihan peranan wanita dalam dunia moden hari ini. Kajian ini juga menilai kedudukan hukum wanita bekerja menurut perspektif Islam dan menganalisa peranan wanita sebagai *Rabbatul Bait* dan *Madrasatul Ula* dalam pembinaan generasi masa hadapan.

2.0 Peralihan peranan wanita di Malaysia daripada ibu rumah tangga kepada tenaga buruh wanita

Islam mengangkat martabat dan darjat wanita yang sesuai dengan fitrah kejadiannya. Susuk tubuh seorang wanita sangat dihormati dan diberikan peranan yang istimewa dalam sebuah keluarga. Mereka dikenali sebagai *Rabbatul Bait*, iaitu permaisuri rumah tangga, dan juga *Madrasatul Ula*, iaitu sekolah pertama bagi anak-anak (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Rasulullah SAW bersabda:

“Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan diminta pertanggungjawaban atas apa yang dipimpinnya... Lelaki adalah pemimpin keluarganya dan dia akan dipertanggungjawabkan. Seorang wanita memimpin rumah suami dan anak-anaknya. Dia akan ditanya tentang kepemimpinannya.” [HR Bukhari].

Petikan “wanita memimpin rumah suami dan anak-anaknya” ini menunjukkan bahawa peranan utama seorang wanita adalah mengurus rumah tangga, menjaga harta suami, membentuk suasana rumah yang tenang, mendidik anak-anak dan menjaga keharmonian keluarga (Zakaria et al., 2023). Peranan dan tanggungjawab inilah yang akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Selain itu, terdapat ungkapan puisi daripada Muhammad Hafiz Ibrahim, seorang penyair terkenal dari Mesir, mengangkat peranan wanita dalam masyarakat. Antara rangkap puisinya yang masyhur berbunyi:

“Seorang ibu adalah sekolah, jika kamu mempersiapkannya, maka kamu telah mempersiapkan bangsa yang baik akarnya.”

Rangkap puisi ini sering dipetik dalam wacana berkaitan pendidikan dan pembangunan masyarakat, khususnya dalam konteks memperkukuh peranan wanita dalam membentuk sahsiah dan jatidiri generasi akan datang (Aulia, Fihriz & Nasikhin, 2025). Walaupun ia bukan berasal daripada nas al quran mahupun hadis, puisi ini membawa mesej yang selari dengan pandangan Islam tentang pentingnya pendidikan awal anak-anak adalah diperingkat institusi kekeluargaan. Dalam peringkat keluarga ini sebahagian besar peranan wanita dimainkan dalam membentuk peradaban bangsa melalui gelaran ibu.

Namun demikian, dengan adanya pengaruh ideologi Barat yang kuat dalam membentuk sistem liberal kapitalisme telah menyusun para wanita untuk turut serta bekerja dalam industri bagi menjana ekonomi dengan kadar yang sama seperti lelaki. Proses industrialisasi dan urbanisasi ini menyebabkan wanita mula bekerja di luar rumah dan memberi kesan kepada peranannya terhadap keluarga (Zakaria et al., 2018; Harris, 2014).

Idea pemisahan peranan wanita daripada tanggungjawab rumah tangga telah diperkenalkan dan dibangunkan oleh seorang reformis barat, Rosalie Rayner Watson sejak tahun 1932 menerusi artikelnya “*What future has motherhood?*” (Harris, 2014). Dalam penulisannya, beliau mencadangkan agar tugas menjaga dan mendidik anak-anak dipindahkan sepenuhnya kepada tanggungjawab

masyarakat. Tujuannya adalah untuk membebaskan wanita yang telah berkahwin terikat dengan kerja-kerja rumah tangga supaya mereka dapat membina identiti lain di luar peranan sebagai ibu dan isteri. Idea ini kemudiannya mendapat sokongan luas dan tersebar ke seluruh dunia sehingga mempengaruhi pembentukan pelbagai polisi dan dasar berkaitan peranan wanita dan institusi keluarga di seluruh dunia. Antara pengaruh yang boleh dilihat pada hari ini di Malaysia ialah dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) bagi tahun 2020-2025. Salah satu sasaran RMK-12 adalah untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh bertujuan untuk menjana pendapatan keluarga dan menangani penyusutan guna tenaga kesan daripada trend negara menua (BERNAMA, 2023).

Statistik Utama Tenaga Buruh Malaysia juga menunjukkan trend peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) wanita, daripada 55.3 peratus pada 2020 kepada 55.5 peratus pada 2021 dan 55.9 peratus pada tahun 2022. Terkini, sehingga April 2025, KPTB wanita menunjukkan peningkatan kepada 56.2 peratus. Hal ini menunjukkan sudah ramai wanita mula bekerja dalam pelbagai sektor awam mahupun swasta (Asri, 2023; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025).

Kenaikan peratusan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan merupakan salah satu aspek penting dalam mengukur kejayaan ekonomi dan pembangunan sumber manusia. Kerajaan Malaysia sering menzahirkan rasa bangga terhadap peningkatan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja, yang kini dianggap sebagai salah satu penanda kemajuan sosioekonomi negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025; Ministry of Human Resources, 2024; The Star, 2025). Malah, peningkatan ini turut disokong oleh pelbagai dasar seperti program *Career Comeback* anjuran TalentCorp dan Kementerian Sumber Manusia yang menyasarkan penyertaan wanita sebanyak 60% menjelang tahun 2030 (World Bank, 2019; TalentCorp, 2023).

Peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja walaupun dianggap sebagai petanda kemajuan ekonomi dan sosial, perubahan ekosistem tenaga kerja ini turut membawa implikasi kepada ketidakseimbangan institusi keluarga. Hal ini demikian kerana fungsi seorang wanita sebagai seorang ibu dan isteri dalam sebuah keluarga semakin terpinggir. Tanpa sedar sistem sosial telah meletakkan wanita sebagai pekerja industri yang sama taraf seperti lelaki seperti mewajibkan cukai pendapatan dengan kadar yang sama, mengira pendapatan mereka sebagai pendapatan isi rumah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Situasi ini memberi isyarat mereka patut menanggung beban kewangan dan kepimpinan keluarga setaraf suami.

Hakikat fenomena peningkatan penyertaan wanita lebih menjurus kepada kepentingan ekonomi dalam kerangka kapitalisme yang menuntut perluasan tenaga kerja produktif. Dalam kerangka kapitalisme ini, wanita dilihat sebagai sumber tenaga produktif yang belum dimanfaatkan sepenuhnya. Penyertaan mereka dalam pasaran buruh dianggap perlu bagi memperkukuh pertumbuhan ekonomi serta menampung kekurangan tenaga kerja dalam industri tertentu (World Bank, 2019; UNDP Malaysia, 2015). Selain itu, elemen feminisme kontemporari telah diserap ke dalam ideologi kapitalisme neoliberal dalam menjadikan perjuangan kesamarataan gender berfungsi sebagai alat ekonomi bagi menambah baik produktiviti ekonomi sesebuah negara (Eisenstein, 2009; Fraser, 2013).

Dalam konteks Malaysia, laporan daripada World Bank (2019) dan UNDP (2015) menunjukkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja sering ditafsir sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi, bukan sebagai strategi mengukuhkan institusi kekeluargaan atau kesejahteraan masyarakat. Bahkan, sumbangan KPTB wanita diukur dengan peningkatan sektor ekonomi yang dianggarkan mencecah sehingga RM6 bilion dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia menjelang 2025 (BERNAMA, 2024). Hal ini memberi gambaran jelas tentang keterlibatan wanita dalam ekosistem buruh negara adalah untuk menjana ekonomi dan memaksimumkan produktiviti negara semata-mata,

sehingga menjadikan wanita sekadar instrumen ekonomi dan menenggelamkan nilai kemanusiaan serta peranan utamanya dalam keluarga.

2.1 Trend Perkahwinan Lewat Usia

Kebanyakan wanita pada hari ini memilih untuk melewati perkahwinan kerana ingin memberi fokus kepada kerjaya, menjana pendapatan dan mengukuhkan kemampuan ekonomi sendiri (Md Rais, 2024). Berdasarkan laporan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) melalui Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5), terdapat peningkatan ketara dalam kalangan wanita berumur 25–29 tahun yang masih belum berkahwin. Malah, di Selangor sahaja, jumlah wanita bujang berusia 30 tahun dan ke atas direkodkan melebihi satu juta orang.

Selain itu, ramai pasangan merancang untuk menangguhkan kehamilan pertama sehingga selepas usia 30 tahun (BERNAMA, 2022). Amalan melewati perkahwinan dan menunda kehamilan ini secara tidak langsung menyumbang kepada penurunan kadar kelahiran di Malaysia. Hal ini demikian kerana peluang wanita untuk hamil secara semula jadi semakin berkurangan apabila memasuki usia lewat akibat faktor kesuburan yang tidak lagi berada pada tahap optimum (Chua et al., 2020). Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Women's Aid Organisation (2016) menunjukkan majikan enggan menggaji atau mengekalkan pekerja hamil kerana dianggap menjejaskan produktiviti.

Fenomena ini juga mencerminkan perubahan persepsi dalam kalangan wanita dan mendorong ramai wanita menunda perkahwinan dan kehamilan demi kestabilan kerjaya. Lebih membimbangkan apabila masyarakat tidak menganggap perkahwinan dan memperoleh zuriat sebagai satu peranan utama wanita bagi kelangsungan generasi. Hal ini menunjukkan berlakunya peralihan paradigma pemikiran dan nilai budaya daripada orientasi kekeluargaan dan orientasi kerjaya.

2.2 Penurunan Kadar Kesuburan Keseluruhan (TFR)

Selain daripada berkahwin pada lewat usia, faktor-faktor sosioekonomi lain seperti tahap pendidikan dan peningkatan penyertaan wanita dalam industri secara agresif turut menyumbang kepada penurunan kadar kelahiran keseluruhan (TFR) di Malaysia. Statistik merekodkan penurunan kadar kesuburan daripada 2.1 anak bagi setiap wanita pada 2010 kepada 1.7 pada 2023, iaitu berada di bawah paras penggantian populasi (Kasinathan, 2023). Hal ini bermaksud, secara purata satu wanita kini hanya mampu melahirkan antara satu hingga dua anak sepanjang tempoh reproduktifnya. Malaysia kini mencatat kadar kesuburan yang rendah, setanding dengan negara-negara maju lain yang berdepan dengan krisis kelahiran seperti Jepun (1.3 anak per wanita), China (1.3) dan Singapura (1.1) pada tahun 2022.

Kadar kesuburan yang menurun ini turut memberi kesan kepada saiz purata isi rumah yang semakin kecil (Ramli, Suhaimi & Redzwan, 2022). Sekiranya kadar kesuburan menurun secara berterusan, struktur demografi negara akan berubah dengan peningkatan populasi menua dan tenaga kerja muda berkurangan. Natiujahnya, peningkatan hasil ekonomi yang diidamkan terjejas disamping menggugat kestabilan sosial jangka panjang. Kestabilan sosial ini termasuklah kesinambungan nilai kekeluargaan, tanggungjawab antara generasi dan sistem sokongan keluarga.

2.3 Trend Pasangan Muda Memilih Untuk Childless atau Childfree

Penglibatan wanita sebagai tenaga buruh juga menyumbang kepada perubahan saiz keluarga. Jika dahulu satu keluarga mempunyai purata 6 ke 7 bilangan anak, kini semakin banyak pasangan memilih untuk menghadkan bilangan anak antara satu hingga tiga orang sahaja (Omar & Jaafar, 2024). Selain

faktor kesuburan, tekanan ditempat kerja dan kegusaran dalam memberi komitmen berkeluarga menyebabkan wanita mengehadkan bilangan anak. Wanita bekerja sering menghadapi dilema dalam mengimbangi tugas ditempat kerja dan tanggungjawab menguruskan rumah tangga (Abu Bakar, 2012). Kajian juga mendapati bahawa wanita yang mengalami kesukaran melaksanakan tugas di rumah cenderung menghadapi masalah di tempat kerja. Hal ini menunjukkan bahawa beban berganda di tempat kerja dan di rumah menjadi cabaran utama bagi wanita dalam melaksanakan kedua-dua peranan secara serentak (Zakaria et al., 2018).

Hal ini demikian, mempengaruhi keputusan sebahagian pasangan muda untuk memilih kehidupan berumah tangga tanpa anak. Berdasarkan laporan LPPKN dan DOSM, semakin ramai pasangan muda menunjukkan kecenderungan terhadap gaya hidup *childfree*, iaitu perkahwinan tanpa anak. Trend ini mula mendapat perhatian sejak pertengahan tahun 2010-an, khususnya dalam kalangan generasi milenial dan Gen Z (Coughlin, 2024; Rybińska, 2021; Lopez et al., 2024). Generasi muda hari ini melihat anak sebagai satu bentuk komitmen besar yang sukar diseimbangkan dengan tekanan kerja dan tuntutan kehidupan peribadi. Faktor lain seperti kos sara hidup yang tinggi, pengaruh media sosial, pengalaman negatif masa lalu, kekurangan pengetahuan dalam pengurusan rumah tangga, dan ingin mempunyai hubungan yang turut mendorong sebahagian pasangan untuk memilih untuk tidak mempunyai anak (Zulkefli, 2025; Eksan et al. 2025).

3.0 Hukum wanita bekerja dalam Islam

Menurut Al-Qaradawi, tiada larangan wanita untuk bekerja, justeru hukum wanita bekerja adalah harus. Bahkan hukum ini boleh berubah menjadi sunat atau wajib, dalam keadaan darurat seperti membantu suami, mengasuh anak dan saudaranya yang masih kecil, atau membantu ayahnya. Sementara itu, Al-Ghazali berpendapat bidang pekerjaan yang diceburi haruslah sesuai dengan profesion wanita iaitu pekerjaan yang sesuai dengan fitrah seorang wanita disamping dapat memelihara maruah diri dan keluarga (Rahayu & Nurrohim, 2022; Ismail & Hamjah, 2013).

Namun begitu, terdapat syarat-syarat yang wajib dipenuhi oleh wanita yang berkerja. Selain daripada memperoleh keizinan daripada wali atau suami serta memelihara adab-adab Islami dalam pergaulan, pekerjaan yang dilakukan itu mestilah tidak menjejaskan fungsi dan peranan utama wanita dalam institusi kekeluargaan (Rahayu & Nurrohim, 2022). Ulama Islam juga berpendapat, sekiranya bekerja menyebabkan isteri mengabaikan hak suami dan anak-anak, maka wanita tersebut berdosa dan boleh menjadi nusyuz (derhaka). Namun perbincangan hukum ini adalah berkaitan hak dan kemampuan individu serta tatacara keluarga. Justeru keharusan, galakan atau kewajipan hendaklah difahami pada tahap kesesuaian dan pilihan keluarga, bukanlah mandat kerajaan untuk mobilisasi dan dalam bentuk tuntutan struktur ekonomi ke atas wanita.

Dalam konteks dasar negara, peranan wanita wajar dirangka dengan mengambil kira *nizam al-usrah wa maqasidih*, iaitu sistem kekeluargaan Muslim. Sistem keluarga ini berlandaskan syara' telah menetapkan peranan saling melengkapi antara suami, isteri dan anak. Berdasarkan asas syara' ini, dasar awam tidak sepatutnya mengikis hakikat peranan isteri dan keibuan, sebaliknya memperkasakan struktur keluarga islam dengan instrumen dasar tenaga kerja wanita yang menyokong kesejahteraan keluarga. Misalnya, cuti bersalin yang mencukupi, jadual kerja yang anjal, sokongan penjagaan anak-anak dan lain-lain yang selaras mengikut galakan Islam terhadap wanita agar mempunyai masa yang lebih berada di rumah dan keluarga mereka di samping terdapat keharusan bekerja (Pebriani, 2024).

Begitu juga dasar dan polisi berkaitan wanita bekerja hendaklah dipandu prinsip nafkah dalam Islam iaitu penyediaan nafkah bagi keluarga merupakan kewajipan suami. Manakala penyertaan ekonomi

isteri ialah *ta'awun* (konsep tolong-menolong) yang dipuji tetapi bukan tanggungjawab asal. Fenomena perubahan prinsip nafkah ini kepada penyeragaman tanggungan pendapatan mengikut model "*dual breadwinner*" boleh menjejaskan peranan kewanita di dalam keluarga (Vhiama, Putriani & Nafi'ah, 2022).

Tambahan lagi, syariah telah menjelaskan bahawa wanita dalam keluarga merupakan sumber ketenangan (*sakinah*). Kehadiran wanita dalam keluarga merupakan salah satu rukun bagi terwujudnya kasih sayang dan belas ihsan. Rujukan Qur'an (ar-Rum, 30:21) dijadikan asas normatif bahawa institusi perkahwinan ialah tempat *sakinah* yang memerlukan peranan isteri untuk menstabilkan emosi dan sosial keluarga (Zedan, 2020). Begitu juga kedudukan ibu sebagai pengasuh utama nilai kesopanan, kecerdikan emosi, adab-adab dalam Islam dan mendisiplinkan anak. Selain itu, kesusahan semasa hamil dan proses penyusuan yang dihadapi oleh ibu menjadi asas keutamaan anak-anak dalam berbakti dan berbuat baik. Oleh sebab itu, ibu didahulukan tiga kali berbanding ayah seperti dijelaskan dalam hadith (Zedan, 2020).

Justeru, konsep rumah tangga dalam Islam dibina berlandaskan fitrah manusia dan sangat sesuai dalam menjaga kestabilan institusi kekeluargaan. Setiap ahli keluarga memiliki peranan tersendiri yang saling melengkapi antara satu sama lain, dengan matlamat membina sebuah institusi kekeluargaan yang utuh, suasana yang selamat, aman dan kondusif untuk tumbesaran dan pendidikan generasi.

Jika struktur peranan ini diabaikan, implikasinya ketara pada institusi keluarga, iaitu antaranya kemerosotan kadar kelahiran. Apabila struktur peranan dalam rumah tangga mula kabur, sebahagian masyarakat cenderung menangguk atau menolak perkahwinan dan zuriat, lalu memberi kesan jangka panjang kepada keseimbangan demografi negara.

Kelemahan institusi keluarga bukan sekadar berpunca daripada perubahan nilai terhadap perkahwinan, tetapi turut berkait rapat dengan penghakisan peranan keibuan sebagai teras pembentukan dan kestabilan keluarga. Dalam konteks sosiologi keluarga, ketiadaan peranan ibu yang berfungsi sepenuhnya dalam mendidik, membentuk kestabilan emosi, serta mengurus kesejahteraan rumah tangga telah menjejaskan keseimbangan interaksi kekeluargaan (Rashid, 2006; Mohd Salleh, 2020). Apabila fungsi keibuan ini digantikan oleh institusi luar seperti pusat jagaan atau pembantu rumah, wujud jurang emosi antara ibu dan anak yang menjejaskan proses sosialisasi awal kanak-kanak, sekali gus melemahkan pembentukan nilai empati dan disiplin diri (Redde, Salamuddin & Othman, 2022; Nasir et al. 2021).

Kelemahan institusi keluarga boleh memberikan implikasi terhadap kesejahteraan mental dan fizikal kanak-kanak, termasuklah peningkatan kadar obesiti dan tumbesaran terbantut akibat kelemahan penjagaan emosi dan pemakanan (UNICEF Malaysia, 2023; Nasir et al., 2021). Berdasarkan laporan *National Health and Morbidity Survey* (Institute for Public Health, 2022), kadar obesiti kanak-kanak di Malaysia kini mencecah 29.8% manakala kadar bantut 21.2%. Statistik ini mencerminkan kelemahan sistem sokongan keluarga dan pendidikan nutrisi pemakanan dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia. Apa yang lebih mengusarkan ialah kesan obesiti dan bantut ini menjejaskan perkembangan otak yang sihat dan keupayaan kognitif kanak-kanak, sterusnya menurunkan potensi intelektual generasi akan datang (Redde, Salamuddin & Othman, 2022; Sideropoulos et al., 2025).

Secara keseluruhannya, masalah sosial, kesihatan dan pendidikan kesihatan menunjukkan kelemahan institusi keluarga yang memberi kesan jangka panjang dalam pembangunan modal insan negara. Hal ini kerana institusi keluarga gagal melahirkan generasi yang sihat, mempunyai kecerdasan emosi dan daya fikir yang tinggi (Rashid, 2006; Ajmain et al. 2020; Nasir et al. 2021).

4.0 Mengembalikan Peranan Wanita sebagai *Rabbatul Bait* dan *Madrasatul Ula*

Sistem ekonomi yang dikawal oleh prinsip kapitalis yang rakus ini telah memporak-perandakan peranan jantina yang akhirnya membebankan wanita dengan peranan yang tidak mampu ditampung olehnya (Eisenstein, 2009; Abdullah Zaik Abd Rahman, 2025). Akhirnya, wanita yang bekerjaya memilih untuk melewati perkahwinan, tidak memiliki anak mahupun merancang untuk memiliki sedikit anak sahaja (Ramli, Suhaimi & Redzwan, 2022). Hal ini termasuklah isu kesuburan lelaki dan wanita masa kini juga memberi impak secara langsung pada kemerosotan kadar kelahiran di Malaysia (BERNAMA, 2020).

Implikasi yang paling ketara adalah populasi negara semakin mengecil dan yang paling kritikal menjejaskan potensi kekuatan populasi masa hadapan (LPPKN, n.d; Suberi et al. 2025). Dari satu sudut positif, penurunan kadar kelahiran boleh dianggap sebagai peluang untuk memperkukuh kualiti hidup melalui tumpuan terhadap pendidikan dan kesihatan anak-anak. Namun begitu, kesan negatifnya jauh lebih mendalam apabila saiz populasi produktif berkurang, kadar pergantungan meningkat, dan keupayaan negara membina kekuatan ekonomi serta strategik menjadi terbatas (Omar & Jaafar, 2024; Alavi & Arifin, 2022).

Ahmet Davutoğlu (2014) menegaskan bahawa kekuatan sesebuah negara tidak hanya bergantung pada keupayaan ekonomi dan ketenteraan, tetapi juga pada kestabilan sosial dan institusi keluarga yang menjadi asas kepada kekuatan tamadun (*civilizational power*). Dalam konteks ini, peranan wanita bukan sekadar penyumbang kepada ekonomi tetapi juga pemangkin kepada kelangsungan generasi dan pembentukan nilai kekeluargaan yang menjadi teras kepada pembinaan kuasa sesebuah negara (Mohd Salleh, 2020; Suberi et al. 2025; Aulia, Fihriz & Nasikhin, 2025). Maka, keseimbangan antara peranan wanita dalam pembangunan ekonomi dan tanggungjawab membina generasi perlu dilihat sebagai strategi penting dalam memperkukuh kekuatan nasional secara menyeluruh.

Berdasarkan pemikiran al-Farabi dalam *Kitāb Ārā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*, pembangunan manusia merupakan asas dan keutamaan dalam proses pembangunan sesebuah negara sekaligus dalam membina ketamadunan umat Islam. Menurut al-Farabi, kekuatan sesebuah masyarakat tidak terletak kepada sistem politik atau struktur pemerintahan semata-mata tetapi kepada pembangunan jiwa dan akal manusia yang mampu memaksimumkan potensi kemanusiaannya. Hal ini termasuklah potensi berfikir, berbicara, dan mencapai kebahagiaan hakiki di dunia serta akhirat (Izzudin, 2020). Pembangunan manusia yang menekankan aspek metafizik dan etika ini dianggap lebih utama berbanding pembangunan ekonomi atau institusi material kerana jiwa dan akal manusia merupakan punca kepada arah dan nilai pembangunan itu sendiri (Davutoğlu, 2014; Abdullah Zaik Abd Rahman, 2025).

Dalam konteks kehidupan moden kini, gagasan al-Farabi ini dapat dijadikan asas dalam membina generasi masa hadapan melalui institusi keluarga, khususnya peranan wanita sebagai *Rabbatul Bait* dan *Madrasatul Ula* (Mulasi, 2022; Budiyaniti et al. 2024). Wanita sebagai pendidik pertama yang membentuk akal budi dan jiwa anak-anak. Jika wanita hanya dilihat sebagai tenaga kerja ekonomi tanpa dimartabatkan fungsinya sebagai pembinaan generasi yang membangunkan peradaban Islam, maka pembangunan yang terhasil bersifat sementara dan tidak lestari. Justeru, selaras dengan pemikiran al-Farabi, keseimbangan antara peranan wanita dalam keluarga dan sumbangan mereka kepada masyarakat perlu difahami sebagai satu kesatuan dalam membangunkan kekuatan populasi dan kuasa nasional yang berteraskan kualiti insan (Izzudin, 2020; Suberi, 2025).

Oleh yang demikian, penting untuk wanita memahami dan menyedari peranan sebenar mereka seperti yang telah ditetapkan oleh syariat. Wanita bukan sekadar pelengkap dalam keluarga, malah mereka adalah pemimpin dalam rumah tangga dan pendidik utama anak-anak (Mohd Salleh, 2020; Aulia, Fihriz & Nasikhin, 2025; Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Kesedaran ini penting kerana setiap

individu akan dipersoalkan di akhirat kelak tentang peranan dan tanggungjawabnya. Apabila seorang wanita tahu peranan utamanya, dia akan lebih jelas untuk memberi fokus kepada perkara yang paling utama bukan sekadar mengejar kerjaya atau pencapaian luaran semata-mata.

Pada masa yang sama, suami perlu memainkan peranan sebagai seorang yang *qawwam* iaitu seorang pelindung, penyedia, dan pemimpin dalam keluarga (Mohd Salleh, 2020; Mulasi, 2022). Suami yang bertanggungjawab akan memberikan ruang, masa dan sokongan penuh kepada isteri untuk melaksanakan peranan utamanya dengan tenang. Hakikatnya, seorang isteri hanya dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai isteri dan ibu dengan baik apabila suaminya terlebih dahulu melaksanakan tugas suami dengan baik (Aulia, Fihriz & Nasikhin, 2025; Budiyan et al. 2024; Mohd Salleh, 2020). Apabila suami benar-benar memimpin, melindungi dan menyediakan keperluan asas keluarga, barulah isteri dapat fokus kepada urusan rumah tangga dan pendidikan anak-anak tanpa tekanan berganda. Inilah keseimbangan peranan yang digariskan oleh Islam.

Terdapat pengkaji yang bersetuju untuk menerapkan kefahaman tentang peranan besar wanita dan lelaki dalam institusi keluarga ini perlu dimulakan sejak peringkat sekolah (Zakaria, Abd. Halim & Mohd Said, 2021; Intan, 2022; Zaduqisti, 2025; Asmuni, 2023). Pendidikan awal yang menekankan nilai tanggungjawab, peranan dalam rumah tangga, dan erti kepimpinan dalam keluarga akan membantu membentuk generasi yang lebih bersedia menghadapi alam perkahwinan (Mohd Salleh, 2020). Dalam masa yang sama, badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan kesedaran ini kepada masyarakat umum melalui program pendidikan, kempen kesedaran dan latihan keibubapaan (Mohd Salleh, 2016; Abdullah Zaik Abd Rahman, 2025).

Sementara itu, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga & Masyarakat perlu menilai semula hala tuju program pemerkasaan wanita agar selari dengan fitrah dan peranan asal wanita seperti yang digariskan oleh agama dan budaya tempatan (Abdullah Zaik Abd Rahman, 2025; Mohd Salleh, 2016; Rashid, 2006). Pemerkasaan wanita tidak sepatutnya hanya difokuskan kepada aspek penyertaan wanita dalam tenaga buruh atas nama sumbangan kepada ekonomi negara semata-mata. Pendekatan sebegini boleh menjurus kepada eksploitasi peranan wanita dan memberi tekanan berganda kepada mereka terutama apabila mereka turut memikul tanggungjawab sebagai isteri dan ibu dalam masa yang sama.

Akhir sekali, kerajaan wajar menilai semula sistem kiraan pendapatan isi rumah. Pendekatan menggabungkan pendapatan suami dan isteri dalam menentukan kelayakan bantuan atau polisi ekonomi boleh memberi tekanan tidak langsung kepada wanita untuk terus bekerja (LPPKN, n.d; UNDP, 2015; Mulasi, 2022). Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keseimbangan tanggungjawab dalam institusi keluarga, malah turut membentuk semula cara fikir masyarakat terhadap peranan gender dan fungsi keluarga dalam konteks pembangunan insan (Al-Attas, 1993; Abdullah Zaik Abd Rahman, 2025; Mohd Salleh, 2020). Oleh itu, penyusunan semula dasar ekonomi dan sosial yang lebih berteraskan nilai Islam, disertai dengan sesi libat urus strategik antara kerajaan, institusi masyarakat dan badan akademik amat penting bagi mengembalikan fungsi keluarga kepada fitrah asalnya. Fitrah asal inilah penting digunakan sebagai asas pembinaan generasi berakhlak dan berdaya tahan (Mohd Salleh, 2020; Izzuddin, 2020). Justeru, kerjasama semua pihak amat diperlukan agar institusi keluarga kembali berpaksikan fitrah dan nilai Islam yang sebenar.

5.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penurunan kadar kelahiran di Malaysia perlu difahami sebagai manifestasi kepada perubahan struktur sosial yang kompleks, dipacu oleh pengaruh kapitalisme global, ideologi

feminisme moden, serta peralihan peranan wanita daripada tumpuan terhadap institusi keluarga kepada penyertaan aktif dalam pasaran tenaga buruh. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan keseimbangan institusi kekeluargaan, malah turut memberi implikasi jangka panjang terhadap kestabilan demografi, pembangunan insan dan kekuatan strategik negara. Kajian ini menegaskan bahawa agenda pembangunan nasional yang berteraskan nilai Islam perlu mengambil kira keseimbangan antara tanggungjawab wanita sebagai penyumbang ekonomi dan peranan fitrahnya sebagai *Rabbatul Bait* serta *Madrasatul Ula*. Justeru, dasar awam dan rangka kerja sosial wajar digubal semula agar berteraskan prinsip maqasid syariah yang menitikberatkan pemeliharaan keluarga, kesejahteraan generasi dan kelestarian peradaban sebagai teras pembinaan kuasa nasional Malaysia.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Siti Sarah binti Amran, selaku Ketua Biro Keluarga dan Masyarakat (BKM), Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), merangkap Penasihat Unit Kajian BKM atas bimbingan dan sokongan yang diberikan sepanjang penulisan ini dihasilkan. Penghargaan turut ditujukan kepada Ustaz Zaid bin Zainurrashid, selaku Penasihat Syariah, atas tunjuk ajar dan panduan yang memastikan penulisan ini sentiasa berpaksikan syariat Islam. Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada Pn. Nursabihah binti Mohtar, selaku Penasihat Artikel Ummah Fadhilah, atas pandangan dan nasihat berharga dalam memastikan penulisan ini selaras dengan mesej pembangunan Ummah Fadhilah.

Rujukan

- Abdullah Zaik Abd Rahman. (2025). [Ucapan tidak diterbitkan]. Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), Bangi, Selangor.
- Abu Bakar, N. R. (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (7):155-162.
- Ajmain, M. T., Yaakub, M. A. M., Rahman, S. N. H. A., & Mohamad, A. M. (2020). Tingkahlaku dan Peranan Institusi Keluarga Dalam Membantu Ekonomi Dan Masyarakat Lestari. *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2).
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Alavi, K., & Arifin, F. M. (Eds.). (2022). *Rumah syurgaku: penjagaan warga emas jangka masa panjang di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmuni, P. A. (2023). Reinforcement of Gender Stereotyping in Malaysian Primary English Textbooks. *Arab World English Journal*, 14(3), 66-86.
<https://dx.doi.org/10.24093/awej/vol14no3.5>
- Asri, S. (2023, 29 Julai). *Perkasa peranan wanita*. myMetro.
<https://www.hmetro.com.my/setempat/2023/07/992988/perkasa-peranan-wanita>
- Aulia, T.F., Fihriz & Nasikhin. (2025). The Concept of Family in Islamic Philosophy of Education: An Analysis of the Role of Mothers as First Educators. *IHSANIKA: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 3(2).

- BERNAMA (2020, 12 Julai). *Population and Family Development Board: Infertility among Malaysian men on the rise*. Malaymail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/07/12/population-and-family-development-board-infertility-among-malaysian-men-on/1883714>
- BERNAMA. (2022). *Total fertility rate of women in Malaysia continues to decline, says ministry*. Malaymail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/11/10/total-fertility-rate-of-women-in-malaysia-continues-to-decline-says-ministry/38768>
- BERNAMA. (2023, 11 Sept). *RMK12: Peranan wanita akan diperkasa dalam ekonomi ihsan — PM Anwar*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/rmk12-peranan-wanita-akan-diperkasa-dalam-ekonomi-ihsan-pm-anwar-436867>
- BERNAMA. (2024, 6 Sept). *Sumbangan besar wanita mampu tambah hingga RM6 bilion kepada KDNK Malaysia – Nancy*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/sumbangan-besar-wanita-mampu-tambah-hingga-rm6-bilion-kepada-kdnk-malaysia-nancy-486610>
- Budiyanti, N., Islamy, M. R. F., Faqihuddin, A., & Albana, H. (2024). Empowering the role of women as Madrasatul Ula with Ulul scientific characteristics through the Ummahat Council of Ta'lim Qoshrul Muttaqin program. *Jurnal Pengabdian dan Pemberdayaan Sosial Kemanusiaan*, <https://ejournal.upi.edu/index.php/IPS-JPPSK/article/view/61783>
- Chua, S. J., Danhof, N. A., Mochtar, M. H., van Wely, M., McLernon, D. J., Custers, I., Lee, E., Dreyer, K., Cahill, D. J., Gillett, W. R., Righarts, A., Strandell, A., Rantsi, T., Schmidt, L., Eijkemans, M. J. C., Mol, B. W. J., & van Eekelen, R. (2020). Age-related natural fertility outcomes in women over 35 years: A systematic review and individual participant data meta-analysis. *Human Reproduction*, 35(9), 1–14. <https://doi.org/10.1093/humrep/deaa164>
- Coughlin, J. (2024, 10 Julai). *Millennials Are Having Fewer Babies. What Does This Mean For Retirement?* Forbes. <https://www.forbes.com/sites/josephcoughlin/2024/07/10/millennials-are-not-having-babies-what-might-it-mean-for-retirement/>
- Davutoğlu, A. (2014). *Alternative paradigms: The impact of Islamic and Western Weltanschauungs on political theory*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Eisenstein, H. (2009). *Feminism seduced: How global elites use women's labor and ideas to exploit the world*. Paradigm Publishers.
- Eksan, S. H. R., Salleh, N., Bakar, N. R. A., & Ghani, M. A. (2025). Analisis Perkahwinan Gaya Hidup Tanpa Anak (Childfree) Menggunakan Kaedah Kajian Literatur Sistematis (SLR). *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 24, 74-84
- Fraser, N. (2013). *Fortunes of feminism: From state-managed capitalism to neoliberal crisis*. Verso Books.
- Halim, N. S., Ibrahim, N. A., Zamri, D. A. A., & Ismail, A. N. (2023). Gaya Kepimpinan Rasulullah Saw Dalam Membentuk Institusi Keluarga Islam Yang Harmoni. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 6(1), 27-39.
- Han, X., Wei, C., & Cao, G. Y. (2022). Aging, generational shifts, and energy consumption in urban China. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 119(37), e2210853119.

- Harris, B. (2014). *Rosalie Rayner, feminist?* Publicacions de la Universitat de València.
- Intan, F. R. (2022). Pentingnya pembelajaran gender di lembaga pendidikan anak usia dini. *PERNIK*, 5(2), 15-24. [10.31851/pernik.v5i2.8033](https://doi.org/10.31851/pernik.v5i2.8033)
- Ismail, 'Adawiyah, & Hamjah, S. H. (2013). Understanding The Position Of Working Women According To Islam. *Al-Hikmah*, 4, 3-14. <https://doi.org/10.17576/alhikmah.2012.40/14>
- Izzuddin. (2020). *Studi Kitāb Ārā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah karya Al-Farabi dan relevansinya dengan Pancasila* [Disertasi doktor falsafah, Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta]. UIN Syarif Hidayatullah Jakarta Repository. <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/54413/1/IZZUDDIN%20-%20SPs.pdf>
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2019, 12 Mei). *Irsyad Hukum Siri Ke-304: Hukum Wanita Berkerjaya*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/3391-irsyad-al-fatwa-siri-ke-304-hukum-wanita-berkerjaya>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah*. <https://open.dosm.gov.my/ms-MY/dashboard/household-income-expenditure>
- Kasinathan, S. (2023, 17 Okt). *DOSM: Malaysia's total fertility rate for 2022 reaches lowest in 50 years*. Malaymail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/17/dosm-malaysias-total-fertility-rate-for-2022-reaches-lowest-in-50-years/96810>
- Kementerian Ekonomi. (2023). *Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12): Dokumen utama*. Putrajaya: Kementerian Ekonomi, Malaysia. https://rmke12.ekonomi.gov.my/ksp/storage/fileUpload/2023/09/2023091133_dokumen_utama_ksp_rmke_12.pdf
- Lopez, Y. J. M., Bautista, A. N. A., Guadalquiver, P. A. A., Palomar, J., Hannah, S., & Sarceno, H. D. (2024). *The Perception of Generation X and Generation Z towards Voluntary Childlessness: A Comparative Study*. https://www.academia.edu/127180072/THE_PERCEPTION_OF_GENERATION_X_AND_GENERATION_Z_TOWARDS_VOLUNTARY_CHILDLESSNESS_A_COMPARATIVE_STUDY
- LPPKN. (n.d). *The country could potentially experience shrinkage by 2072*. Malaysia Population Research Hub. <https://mprh.lppkn.gov.my/the-country-could-potentially-experience-shrinkage-by-2072/>
- Md Rais, N. & Mokhtar, D. (2024). Keutamaan Kerjaya Dan Pilihan Perkahwinan: Persepsi Wanita Terhadap Trend Kahwin Tertangguh di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8 (5).
- Ministry of Human Resources. (2024, 5 Mac). *HR Ministry aims to raise female workforce participation to 60pc, says minister*. Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/05/hr-ministry-aims-to-raise-female-workforce-participation-to-60pc-says-minister/121632>
- Mohd Salleh, N. (2016). The roles of Islamic NGO in dealing with Feminism agenda in Malaysia: Peranan NGO Islam dalam menangani agenda Feminisme di Malaysia. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 1(1), 96-112.
- Mohd Salleh, N. (2020). *Panduan hidup berkeluarga*. Selangor: Abad Sinergi.

- Mulasi, S.. (2022). Peran Madrasatul Ula Dalam Pembentukan Kecerdasan Spiritual Anak. *Genderang Asa: Journal of Primary Education*, 2(1), 25–40.
<https://doi.org/10.47766/ga.v2i1.1353>
- Nasir, N. C. M., Kamaluddin, M. R., Jasni, M. A., & Pauzi, H. M. (2021). Lebih Berat Badan Dan Obesiti Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja: Faktor Risiko Dan Implikasinya. *e-BANGI Journal*, 18(6).
- Omar, N.H. & Jaafar, J. R. (2024). Pembandaran, Perubahan Sosial dan Peningkatan Peranan Wanita sebagai Penjana Pendapatan Keluarga. *Akademika* 94(2), 2024: 1-21
- Pebriani. (2024). Maintenance Rights For Career Women According To Fiqh Four Mazhabs In Terms Of Maqasid Al-Syariah Theory Ibnu Ashur. *Jurnal Perbandingan Mazhab dan Hukum* 13(1). .
- Rahayu, Y. & Nurrohim, A. (2012). Dalil Teologis Wanita Bekerja Dalam Al-Qur'an. *QiST: Journal of Quran and Tafseer Studies*
- Ramli, R., Suhaimi, F. A. & Redzwan, N. (2022). Kadar Kesuburan Mengikut Umur: Suatu Perbandingan Perbezaan Ufuk Ramalan. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 17, (Dec).
- Rashid, A. R. A. (2006). *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Utusan Publications.
- Redde, S., Salamuddin, N., & Othman, N. (2022). Ulasan Sistematis Literatur: Kecergasan Fizikal dan Kesihatan Mental Kanak-kanak semasa Peralihan Fasa Pandemik ke Endemik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 106-119.
- Rybińska, A. (2021). Trends in intentions to remain childless in the United States. *Population Research and Policy Review*, 40(4), 661-672.
- Sideropoulos, V., Draper, A., Munoz-Chereau, B., Ang, L., & Dockrell, J. E. (2025). Childhood stunting and cognitive development: a meta-analysis. *Journal of Global Health*, 15, 04257.
- Suberi, A. Z. M., Bahrudin, M. Z. F. M., Farique, M. A. M., & Ibrahim, S. A. I. S. (2025). Kuasa nasional: Tinjauan konsep, permasalahan dan peranan dalam pembangunan negara: National power: A review of concept, problems and role in nation building. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 6(10), 598-613.
- TalentCorp. (2023). *TalentCorp addresses gender disparity with the Women Career Convention 2023*. Kuala Lumpur: Talent Corporation Malaysia.
<https://www.talentcorp.com.my/resources/press-releases/talentcorp-addresses-gender-disparity-with-the-women-career-convention-2023>
- The Star. (2025, 30 Sept). *Nancy: Women's labour force participation hits 56%*.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/30/nancy-women039s-labour-force-participation-hits-56>
- UNDP Malaysia. (2015). *Study to support the development of national policies and programmes to increase and retain the participation of women in the Malaysian labour force: Key findings and recommendations*. Kuala Lumpur: UNDP Malaysia.

- Vhiama, H.E.O., Putriani, N.V.E. & Nafi'ah, Z.N. (2022). Role Division in The Working Family Of Women Sharia Maqasid Perspective. *International Conference on Islam, Law, and Society (INCOILS)*
- Women's Aid Organisation. (2016). *Discrimination towards women remains prevalent in the Malaysian workplace*. <https://wao.org.my/discrimination-towards-women-remains-prevalant-in-the-malaysian-workplace/>
- World Bank. (2019). *Breaking barriers: Toward better economic opportunities for women in Malaysia*. Washington, DC: World Bank. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/breaking-barriers-toward-better-economic-opportunities-for-women-in-malaysia>
- Zaduqisti, E. (2025). Stereotipe peran gender bagi pendidikan anak. *Muwazah*, 1(1), 73–82. <https://e-journal.uingusdur.ac.id/Muwazah/article/view/9957>
- Zakaria, M. R., Abd Halim, A.H. & Mohd Said, R. (2021). Penerapan Ilmu Gender Di Sekolah Agama Johor: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Al-Sirat*, 19(1), 107-116. <https://doi.org/10.64398/alsirat.v19i1.34>
- Zakaria, N. D., Azahari, R., & Ahmad, B. (2023). Elements of Marriage Responsibility According to Islamic Perspective. *Jurnal Fiqh*, 20 (2),165-210.
- Zakaria, S.M., Sarnon, N., Omar, F.I., Mohd Hoesni, S. & Shafurdin, N.S. (2018). Hubungan Antara Konflik Peranan, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Emosi Wanita dwi-Peranan di Lembah Klang. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Zedan, A.E., (2020). The role of women in family upbringing according to the Islamic perspective. *Al-Adab Journal*, 1(135), 593-614.
- Zulkefli, M.Y. (2025, 3 Sept). "Childfree" di Malaysia: Kebebasan memilih atau krisis sosial yang semakin hampir? Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-childfree-di-malaysia-kebebasan-memilih-atau-krisis-sosial-yang-semakin-hampir-511702>